

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



MERAPATKAN JURANG PERUBAHAN IKLIM UNTUK MASA HADAPAN YANG MAPAN


Nurul Asyikin Ibharm
Pusat Pengajian Sains Geomatik dan Sumber Alam,
Kolej Pengajian Alam Bina,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam Selangor.

nurulasyikinibharim@gmail.com

EDITOR: DR. MUHAMMAD AIDIL IBRAHIM

dilepaskan hasil daripada aktiviti harian. Gas karbon dioksida merupakan salah satu komponen gas rumah hijau yang bertindak memerangkap haba di dalam udara serta menjadikan Bumi lebih panas. Proses ini pula dipanggil sebagai pemanasan global.

Istilah 'jejak karbon' telah menjadi sangat popular sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan kini digunakan secara meluas bagi meningkatkan



Rajah: Perbezaan suhu purata global bagi tahun 1850 – 2019 (Sumber: Met Office UK)

Pembakaran bahan api fosil telah mengalami peningkatan mendadak semenjak tahun 1850-an iaitu ketika fasa Revolusi Perindustrian. Hal ini menyebabkan pelepasan gas karbon dioksida berlebihan dan terperangkap di dalam atmosfera Bumi. Pelepasan gas karbon dioksida yang berlebihan menyumbang kepada pemanasan global dan seterusnya merupakan

penyebab kepada perubahan iklim.

Pengurangan pelepasan gas karbon dioksida adalah sangat penting dalam usaha kolektif untuk menangani perubahan iklim dan menjaga kesihatan Bumi. Salah satu istilah yang perlu diketahui umum adalah mengenai "jejak karbon". Istilah ini merujuk kepada jumlah gas karbon dioksida yang

kededaran mengenai pelepasan gas rumah hijau, terutamanya gas karbon dioksida. Ini kerana, gas karbon dioksida mempunyai jangka hayat selama 100 hingga 300 tahun, berbanding 12 tahun bagi gas metana yang turut menjadi penyumbang kepada peningkatan gas rumah hijau.

Bagi merealisasikan komitmen Malaysia di dalam menerajui agenda perubahan iklim negara yang mensasarkan pengurangan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45% berbanding KDNK menjelang tahun 2030, penglibatan kolaboratif antara kedua-dua masyarakat dan kerajaan dijangka memudahkan pelaksanaan amalan yang meningkatkan keberkesanan keseluruhan usaha tersebut. Ini kerana dengan pelaksanaan dasar kerajaan yang berkesan, dapat mengawal pengeluaran gas rumah hijau negara dan dalam masa yang sama menggalakkan amalan gaya hidup lestari terhadap pengeluaran karbon bagi penggunaan isi rumah adalah langkah yang wajar.

Salah satu punca perubahan iklim berlaku disebabkan oleh jejak karbon yang tinggi. Jejak karbon tinggi akan mengakibatkan perubahan suhu dunia. Apabila suhu udara meningkat, udara akan mempunyai lebih banyak tenaga. Ini mengakibatkan lebih banyak taufan, puting beliung serta keadaan cuaca ekstrem yang lain. Gelombang haba tidak terjangka juga mampu merosakkan tanaman, meletakkan haiwan ternakan didalam tekanan serta mengganggu gugat kehidupan manusia. Lebih banyak pencemaran udara, yang sering dikaitkan dengan punca alahan, asma, serta masalah kesihatan lain. Ini kerana, suhu panas meningkatkan kepekatan pencemaran udara dan air yang tidak sihat serta mengubah corak serta peristiwa melampau yang

3R iaitu kurangkan sampah (reduce), guna semula (reuse), dan kitar semula (recycle)

berupaya untuk meningkatkan penyebaran beberapa penyakit berjangkit, melalui udara, air dan vektor penyakit. Selain itu, suhu panas boleh mengakibatkan suhu harian yang lebih panas dan juga gelombang haba boleh meningkatkan kadar kematian akibat daripada strok haba dan dehidrasi, serta peningkatan kematian berkaitan cuaca.

Hal ini juga secara tidak langsung menyebabkan kehilangan habitat semula jadi untuk banyak spesies haiwan dan tumbuhan, yang membawa kepada kehilangan biodiversiti serta membawa kepada kehilangan tempat tinggal dan harta benda bagi manusia. Selain itu, jejak karbon yang dihasilkan akan memberi kesan negatif kepada kehidupan masyarakat, seperti kemarau dan kehilangan sumber air bersih, dan perubahan dalam pengeluaran rantai makanan.

Jika masyarakat tidak cakna akan isu mengenai perubahan iklim, serta tidak berusaha dalam mengurangkan kadar pemanasan global, Bumi mungkin tidak akan pulih daripada kerosakan akibat daripada kesan perubahan iklim.

Memandangkan kesan daripada perubahan iklim dilihat semakin ketara, adalah mustahak bagi setiap individu memahami dan mengambil tindakan untuk mengurangkan jejak karbon masing-masing.

Ini kerana, kira-kira dua pertiga daripada pelepasan gas rumah hijau global secara langsung dan tidak langsung dikaitkan dengan penggunaan isi rumah, yang disebabkan oleh sebarang aktiviti atau karbon yang terkumpul sepanjang peringkat hayat produk yang digunakan atau dihasilkan.

Dalam mendepani isu ini, isi rumah boleh membantu mengurangkan jejak karbon. Amalan seperti 3R iaitu kurangkan sampah (reduce), guna semula (reuse), dan kitar semula (recycle) adalah satu langkah yang berkesan bagi mengurangkan sisa isi rumah. Amalan seperti 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal) juga baik untuk dipraktikkan selain daripada penggunaan peralatan cekap tenaga, memanfaatkan pengangkutan awam, penggunaan kenderaan hibrid/elektrik, berkongsi kenderaan atau berbasikal perlu turut dipergiatkan. Selain itu, aktiviti penghijauan Bumi seperti penanaman pokok, kebun komuniti, dan taman poket juga dapat membantu alam untuk menyerap lebih banyak karbon serta menjadikan udara persekitaran lebih bersih dan sihat.

Kesimpulannya, perubahan iklim memerlukan perhatian berterusan. Jika tidak ditangani secara kolaboratif dan saksama, ia akan memberi pengaruh yang ketara bukan sahaja kepada kemajuan sosio-ekonomi negara, bahkan sektor kesihatan dan kesihatan persekitaran turut merasa tempias akibat daripada pemasalahan ini.